

**Treasury**  
Information  
Management  
System  
Sejajar dengan  
perkembangan  
teknologi semasa,  
satu sistem...

ms: 8



**8 BIDANG**  
Kepakaran ICT  
Sektor Awam:  
Pengetahuan  
dan kemahiran  
pegawai ICT  
akan ditingkatkan  
dengan lebih...

ms: 9



**Polisi ICT 4.0:**  
Pembangunan  
Sistem Aplikasi  
Garis panduan  
untuk pembangun-  
an sistem aplikasi  
adalah...

ms: 11


# BULETIN ICT

Penyegar Berita, Maklumat Semasa & Ilmu ICT kepada Warga Perbendaharaan

**Edisi  
2/2012**  
[www.treasury.gov.my](http://www.treasury.gov.my)

## TIPU! Alaf Baru

“ Dengan hanya berinteraksi  
melalui telefon atau media  
sosial mahupun SMS, mangsa  
dengan mudah dapat  
diperdaya... ”



## SIDANG REDAKSI BULETIN ICT

### PENAUNG:

YBhg. Dato' Dr. Azizah bt Arifin

### KETUA EDITOR:

Pn. Rohani bt Mohamad  
Cik Tan Siew Mooi

### SIDANG EDITOR:

Pn. Siti Sapura bt Raffee  
Pn. Norliza bt Jumeri

### REKA BENTUK:

En. Saidi b Murtada

### EDARAN:

En. Asahar b Ahmat  
Pn. Nik Fadhlina bt Nik Marwan

### SUMBANGAN BAHAN & ARTIKEL:

Pn. Siti Sapura bt Raffee  
Pn. Norliza bt Jumeri  
Pn. Sharifah Norhazira bt Said Hamid  
Pn. Nor Sharimah bt Mohd Shariff  
Pn. Fauziah bt Md Salim  
Pn. Zehan bt Md Noor

### DITERBITKAN OLEH:

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat,  
Aras 7, Blok Selatan, Kompleks  
Kementerian Kewangan, No. 5, Persiaran  
Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran  
Kerajaan Persekutuan, 62592 Putrajaya

T : 603-8882 3448

F : 603-8882 4052

W : [www.treasury.gov.my](http://www.treasury.gov.my)

## TIPU ALAF BARU

Memang tidak dinafikan, wujudnya *gadget* dan aplikasi terkini banyak membantu memudahkan urusan kita terutamanya dalam berkomunikasi. Walau bagaimanapun dalam keghairahan menggunakannya, kita jangan lupa pengguna sering terdedah dengan pelbagai taktik penipuan oleh sesetengah pihak yang ingin mengaut keuntungan.

Dengan adanya teknologi ICT yang semakin canggih, penjenayah tidak perlu lagi bersemuka dengan mangsa. Dengan hanya berinteraksi melalui telefon atau media sosial mahupun *Short Message Service (SMS)*, mangsa dengan mudah dapat diperdaya.

Trend jenayah penipuan menggunakan teknologi komunikasi seperti Internet, telefon, e-mel dan SMS semakin menular di kalangan rakyat negara ini. Jenayah sebegini biasanya didalangi oleh sindiket yang bergiat aktif di dalam dan luar negara. Mereka biasanya mempunyai kepakaran bagi menggodam dan mengubah suai sesuatu aplikasi telefon, e-mel dan sebagainya. Sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa dan mengakibatkan kerugian yang mencecah ribuan ringgit.

Sebagai pengguna kita perlu sedar dan tahu apakah jenayah-jenayah penipuan masa kini agar kita lebih berwaspada bagi mengelakkan kita menjadi mangsa seterusnya. Berikut adalah lima (5) jenis senario penipuan di negara kita yang telah didedahkan oleh media masa.

### 01. Keldai Siber

Sindiket penipuan Internet ini lebih dikenali sebagai '*African Scam*'. Modus operandinya adalah menggodam e-mel sesebuah syarikat antarabangsa untuk mendapatkan maklumat sulit transaksi perniagaan mereka. Kemudian anggota sindiket menghubungi syarikat yang ingin ditipu menggunakan alamat e-mel palsu yang dicipta mirip dengan alamat e-mel syarikat pembekal/pengeluar.

Selepas meyakinkan mangsa, anggota sindiket mengambil alih urus niaga dan menghantar e-mel mengarahkan pembeli memasukkan wang ke dalam akaun bank milik pasangan mereka (biasanya wanita rakyat tempatan) yang didaftarkan di Malaysia.

Sejurus selepas bayaran dimasukkan ke dalam akaun, mangsa mengarahkan pasangan mereka memindahkan wang kepada rangkaian sindiket di luar negara melalui khidmat kiriman wang antarabangsa. Suspek tidak menggunakan akaun bank sendiri atau akaun rangkaian sindiket di luar negara bagi mengelak daripada dikesan jika kegiatan mereka terbongkar.


Taktik itu juga digunakan untuk mengelak wang atau aset mereka di Malaysia atau luar negara dikesan, seterusnya dibekukan pihak berkuasa. Wanita kita dijadikan 'keldai Internet' seperti

ibu tunggal berusia 34 tahun di Johor Bahru bersama pelajar kolej swasta warga Nigeria yang didakwa suaminya.

## 02. Panggilan Telefon dari Bukit Aman

Sindiket yang bergiat aktif ini mempunyai kepakaran tinggi apabila mampu memastikan nombor telefon pemanggil yang tertera pada telefon bimbit mangsa adalah nombor telefon Ibu Pejabat Polis Bukit Aman atau Bank Negara.

Modus operandi sindiket licik itu memerangkap mangsa dimulakan dengan menelefon mangsa dengan menyamar sebagai pegawai polis Bukit Aman atau kakitangan Bank Negara. Mangsa akan dimaklumkan bahawa akaun bank atau kad kredit mereka diceroboh oleh pihak ketiga, dan sekiranya mereka tidak segera



memindahkan wang ke akaun lain, mereka akan mengalami kerugian kerana wang mereka akan dicuri oleh sindiket penipuan.

Kebiasaannya, mangsa pada mulanya tidak percaya dengan maklumat itu akan menghubungi semula nombor telefon terbabit. Namun panggilan

'keldai dadah'. Sejak Januari lalu, enam kes dilaporkan membabitkan 10 orang wanita tempatan dengan kerugian mencecah jutaan ringgit, termasuk kes terbaru membabitkan penahanan

mereka akan dijawab oleh mesin operator elektronik di mana ia mirip seperti sistem yang diguna pakai Ibu Pejabat Polis

Bukit Aman atau bahagian khidmat pelanggan Bank Negara. Siasatan polis mendapati sindiket terbabit menggunakan perisian khas dikenali sebagai *Voice Internet Protocol* iaitu sistem panggilan telefon melalui pelayan komputer bagi memudahkan proses penyamaran.

Justeru, mangsa yang mula yakin dan takut wang mereka hilang akan mengikut arahan diberikan, itulah yang menyebabkan mangsa kehilangan wang di dalam akaun bank atau kad kredit mereka.

Sindiket yang mendakwa sebagai pegawai polis Bukit Aman atau kakitangan Bank Negara itu akan memberikan satu siri nombor yang didakwa kod atau kata



lalu dan mengarahkan agar mangsa membuat pemindahan wang melalui *Auto Teller Machines (ATM)*.

Selepas mangsa memindahkan wang ke dalam akaun ketiga yang diberikan, mereka diminta untuk menghapuskan resit bank atas alasan keselamatan.

Selepas berbuat demikian mangsa diarah menunggu tiga jam, kononnya untuk proses kemas kini akaun sebelum diminta menghubungi semula si pemanggil untuk membolehkan mereka mengambil semula wang.

Walau bagaimanapun, suspek gagal dihubungi selepas itu dan menghilangkan diri. Ketika itu mangsa baru menyedari bahawa mereka ditipu dan mendapati wang dalam akaun masing-masing sudah tiada. Mereka juga tidak boleh akses semula kepada akaun ketiga di mana wang mereka dipindahkan tadi.

Setakat ini hampir 200 orang menjadi mangsa membabitkan kerugian kira-kira RM10 juta. Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Wira Syed Ismail Syed Azizan, berkata mangsa terbaru sindiket itu ialah seorang lelaki dari Sabah berusia 30-an yang tertipu sebanyak RM250,000.

Hasil siasatan lanjut, pihak polis mendapati terdapat satu sindiket penipuan yang menjalankan aktiviti tersebut dengan memalsukan nombor-nombor telefon Pusat Kawalan Malaysia, Bukit Aman (MCC), 03-2031 9999, Talian Utama PABX, 03-2266 2222, Bilik Gerakan JSJK, 03-2616 3999 dan melalui telefon bimbit 016-376 9690.

### 03. Penipuan Kastam

**P**olis Diraja Malaysia (PDRM) mengingatkan orang ramai supaya berwaspada dengan sindiket penipuan bungkusan yang semakin berleluasa melalui Internet.

Modus operandi sindiket berkenaan adalah dengan berkenalan dengan mangsa melalui laman sosial seperti Facebook, e-mel dan laman sembang dalam tempoh satu hingga empat bulan.

Setelah persahabatan terjalin, anggota sindiket kemudian memaklumkan kepada mangsa bahawa bungkusan telah dihantar

kepadanya sebagai hadiah. Bungkusannya itu dikatakan mengandungi barang perhiasan, wang, emas dan disusuli dengan kiriman resit penghantaran melalui e-mel kepada mangsa. Mangsa kemudian akan dimaklumkan oleh sindiket terbabit bahawa bungkusannya berkenaan ditahan oleh Kastam Malaysia.


Mangsa diminta menjelaskan beberapa bayaran kepada Kastam dan syarikat ejen dengan memasukkan wang ke dalam akaun yang akan diberikan oleh sindiket berkenaan bagi tujuan menuntut bungkusannya tersebut. Mangsa yang terpedaya hanya sedar telah ditipu setelah membuat beberapa bayaran sebagaimana yang diminta oleh sindiket tanpa menerima bungkusannya tersebut.

Polis Kelantan merekodkan 14 kes membabitkan kerugian berjumlah RM260,950 dikesan daripada jenis penipuan kiriman bungkusannya hadiah itu bagi tempoh Januari hingga 18 Ogos tahun lalu.

## 04. Menang Peraduan

Jika dahulu pengguna sering ditipu melalui peraduan gores dan menang, kini hanya melalui menggunakan SMS sahaja sindiket boleh mengaut keuntungan puluhan ribu ringgit sehari. Modus operandinya:

“Tahniah! Anda telah memenangi hadiah wang tunai bernilai RM9,000. Sila hubungi semula nombor ini bagi membolehkan kami mendapat maklumat tentang diri anda dan memudahkan urusan pemberian hadiah.”



Cara yang digunakan adalah sindiket tersebut menghantar SMS secara rawak kepada orang ramai dengan mengatakan mereka boleh memenangi wang tunai RM9,000 menerusi cabutan bertuah.

Mangsa kemudiannya dikehendaki memasukkan sejumlah wang ke dalam akaun bank sindiket terbabit sebelum boleh menyertai cabutan tersebut. Bagaimanapun, selepas wang itu dimasukkan ke akaun salah seorang ahli sindiket ini, mangsa mula menyedari telah ditipu selepas mereka tidak mendapat hadiah seperti yang dijanjikan.

Walaupun penipuan ini bukan perkara baru, gejala tersebut masih berlarutan sehingga ramai yang menjadi mangsa kerana rakyat Malaysia tidak pernah serik. Kejadian seumpama itu boleh dielakkan sekiranya orang ramai peka dengan amaran-amaran yang telah dikeluarkan oleh polis menerusi media massa.

## 05. Lanun Telefon

Penipuan yang juga berleluasa pada masa kini adalah penghantaran perkhidmatan kandungan melalui SMS oleh *Content Provider* (CP) contohnya 33546.

Modus operandinya adalah syarikat pembekal kandungan atau CP menyalahgunakan kod ringkas dengan menghantar iklan yang mengelirukan kepada orang ramai sehingga menyebabkan kredit telefon bimbit mereka 'menyusut' tanpa disedari. Pelbagai bentuk pesanan dihantar antaranya adalah seperti " Notis: Anda diminta taip ON H8 ke 37770 SEGERA untuk aktifkan SMS Terbaru skrg! Tanpa caj

*Content*



pendaftaran. EM80625114" atau "RM0.00 SMS/MMS *content*. Telefon bimbit anda perlu diaktifkan semula skrg! Sila SMS ON DM ke 32655. Hubungi 21643273 untuk *optout* servis".

Mesej sebegini memperdaya pengguna dengan menyatakan telefon bimbit tidak aktif dan mereka diminta untuk menghantar kata kunci langganan. Tanpa disedari, pengguna sebenarnya melanggan perkhidmatan tersebut dan dikenakan caj berterusan sehingga ia ditamatkan.

Ketua Pegawai Kawal Selia dan Pengawasan Industri SKMM, Datuk Jailani Johari berkata, iklan yang mengelirukan bertujuan untuk memerangkap pengguna itu dihantar melalui SMS kepada pelanggan telefon bimbit pascabayar dan prabayar. Kadar potongan kredit dipercayai di antara RM1 hingga melebihi

RM3 sebanyak beberapa kali dalam sebulan mengikut 'persetujuan' mangsa tanpa disedarinya.

Berdasarkan pemantauan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), kebanyakan pengguna telefon tidak begitu arif dengan perkhidmatan kandungan mudah alih dan kata kekunci langganan. Mereka tidak sedar bahawa dengan penghantar kata kekunci seperti REGISTER, REG, ON dan DAFTAR merupakan tindakan melanggan dan pihak CP boleh mengenakan caj selepas menerima permintaan daripada pengguna tersebut.

## Kesimpulan

**T**rend jenayah sentiasa berubah seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Sebagai pengguna kita hendaklah sentiasa 'ambil tahu' apakah yang berlaku di sekeliling anda. Secara berterusan kita perlu menambah pengetahuan dan meningkatkan kesedaran serta kepekaan kita bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa.

Sekiranya telah menjadi mangsa, ambil tindakan sewajarnya seperti membuat aduan segera kepada SKMM, Cyber Security atau laporan polis.

**Sumber** : Berita Harian, Harian Metro, Utusan Malaysia dan Internet.

# Tahukah ANDA ?

## KATA KUNCI SMS (SMS KEYWORD)

### **Opt-In Keyword**

Terima atau bersetuju untuk melanggan sesuatu perkhidmatan sms

- ON
- REGISTER / REG
- MORE
- CONTINUE
- ADD
- YES
- SUBSCRIBE

### **Opt-Out Keyword**

Berhenti daripada melanggan sesuatu perkhidmatan sms

- STOP
- OPT OUT or OPTOUT or OPT-OUT
- END
- CANCEL
- UNSUBSCRIBE
- QUIT
- STOP ALL

### **Customer Support Information**

Maklumat bantuan

- HELP
- HLP



Customer sends an SMS



Idea Wizards  
Online Server System

## “5 Digit” KOD RINGKAS SMS (SMS SHORTCODE)

- 01. Level 1** dimana nombor pertama bermula dengan nombor 1: Perkhidmatan daripada kerajaan (MAMPU) contoh: 15888 (Boleh dikenakan caj, bergantung kepada terma dan syarat)
- 02. Level 2** dimana nombor pertama bermula dengan nombor 2: Perkhidmatan yang dibekalkan oleh pemberi perkhidmatan selular i.e. Maxis, DiGi, Celcom, Umobile cth: 26002 (Boleh dikenakan caj, bergantung kepada terma dan syarat)
- 03. Level 3** dimana nombor pertama bermula dengan nombor 3: Perkhidmatan yang dibekalkan oleh Pemberi Perkhidmatan Kandungan Luar (CP) cth: 33546. Perkhidmatan ini dibayar oleh pelanggan mengikut kadar yang ditentukan.
- 04. Level 6** dimana nombor pertama bermula dengan nombor 6: Perkhidmatan promosi dan notifikasi cth: 62002 yang diberikan secara percuma

Bagi perkhidmatan yang dibekalkan oleh kod ringkas yang bermula dengan nombor 1, 2 dan 3, pihak pemberi perkhidmatan boleh mengenakan caj ke atas pengguna berdasarkan terma dan syarat yang telah ditetapkan.

**Sumber:** Internet - Maklum balas SKMM aduan Lanun Telefon, 9 April 2012

# TREASURY INFORMATION MANAGEMENT SYSTEM

- » Strategic Planning
- » Business Intelligence
- » Online Analysis

Sejajar dengan perkembangan teknologi semasa, satu sistem maklumat strategik di atas talian telah dibangunkan di Perbendaharaan Malaysia. Sistem berkenaan dinamakan Treasury Information Management Systems (TIMS) di mana ia menyediakan satu pangkalan data tunggal yang menyimpan data-data strategik dengan mengintegrasikan data dalaman dan luaran.

Dengan kewujudan sistem ini, ia dapat membantu Pengurusan Tertinggi Perbendaharaan Malaysia mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat untuk proses membuat keputusan strategik. Proses pemantauan juga dapat dilaksanakan di mana ia dapat memantau prestasi Kementerian dari segi aspek *Ministerial Key Result Areas* (MKRA) dan *Key Performance Indicators* (KPI) Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Selain itu, prestasi Bahagian-Bahagian serta hal-ehwal kewangan dan ekonomi Negara juga dapat dipantau dengan lebih terperinci.

Oleh yang demikian, pelaporan strategik Bahagian-Bahagian dalam Perbendaharaan kepada Pengurusan Tertinggi akan menjadi lebih mudah dan cekap berdasarkan data terkini.

Antara ciri-ciri utama TIMS ialah TIMS *Dashboard* di mana ia merupakan laman interaktif yang memaparkan ringkasan maklumat strategik sama ada dalam bentuk teks atau gambar rajah carta bar, carta pai, graf linear dan pengukur lain secara maya dan atas talian. Ia juga menyediakan gambaran semasa (*instant snapshots*) prestasi yang telah dicapai untuk KPI Strategik Perbendaharaan.



Pengguna TIMS terdiri daripada Pengurusan Tertinggi Perbendaharaan, Setiausaha dan Timbalan Setiausaha Bahagian serta *Divisional Manager*. Sistem ini mula dibangunkan pada 12 Oktober 2010 dan mula beroperasi dengan sepenuhnya pada Disember 2011. TIMS boleh dicapai melalui web di URL [https://tims.treasury.gov.my/ analytics](https://tims.treasury.gov.my/analytics).





# 8 BIDANG Kepakaran ICT Sektor Awam

U usaha untuk menghasilkan dan menyampaikan perkhidmatan ICT yang cemerlang, memerlukan sumber manusia yang mencukupi, efisien dan efektif adalah sangat diperlukan. Pengetahuan dan kemahiran pegawai ICT akan ditingkatkan dengan lebih meluas bagi membentuk dan melahirkan warga kerja yang pakar mengikut bidang yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan Kepakaran ICT Sektor Awam. Lapan (8) bidang kepakaran ICT Sektor Awam adalah:

## PEMBANGUNAN SISTEM

### 1. Pembangunan Sistem

- *Business Analysis and Requirement Study*
- *Information System Analysis*
- *System Integration & Human Factors Interaction*
- *Software Quality Assurance (SQA)*

## TEKNIKAL

### 2. Pengurusan Keselamatan ICT

- *Information Security Governance, Assessment & Audit*
- *Secured System Development Lifecycle*
- *Infrastructure Security*

### 3. Pengurusan Pangkalan Data

### 4. Pengurusan Pusat Data

### 5. Pengurusan Rangkaian

- *Network Architecture*
- *Network Management & Administration*

## STRATEGI

### 6. Perancangan Strategik ICT

### 7. Pengurusan Projek

- *ICT Project Management*
- *Information System Audit*

### 8. Pengurusan Maklumat

Keterangan lanjut mengenai Garis Panduan Kepakaran ICT Sektor Awam dan Panduan Kemahiran Dan Kepakaran ICT Serta *Softskill* Bagi Pegawai ICT Perbendaharaan boleh dicapai di Portal Latihan ICT <http://training.treasury.gov.my>.



# LAWATAN PANEL PENILAI SSR ke BPTM

## Bagi Kategori A5: Pengurusan ICT

Sempena Penilaian System Star Rating (SSR) 2012 oleh Pasukan Panel Penilai MAMPU ke Perbendaharaan Malaysia yang berlangsung pada 5-8 Jun 2012, pada hari Rabu 6 June 2012, seramai dua pegawai dari Panel Penilai SSR bagi kategori A5 Pengurusan ICT telah melawat ke Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM), Perbendaharaan diiringi oleh Pegawai Penyelaras Dokumen dan Pegawai Perhubungan Bahagian BPTM. Pihak panel terdiri daripada pegawai-pegawai berikut:

- i. Pn. Noorzaiti Ashikin binti Ramli
- ii. En. Mohamed Kheirulnaim b. Mohamed Danial



Lawatan oleh Pihak panel Penilai SSR ke BPTM dan khususnya Pusat Data (*Data Center*) Perbendaharaan yang bertujuan untuk membuat pemeriksaan bagi sub kriteria **A5.5 : Pengurusan Keselamatan ICT**.

Lawatan ini telah disambut oleh Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (TSBPTM(O)), dan pegawai-pegawai kanan BPTM. Penerangan telah disampaikan oleh TSBPTM(O) merangkap ICTSO (*ICT Security Officer*) Perbendaharaan yang telah memberikan penerangan secara terperinci berkaitan Pengurusan Keselamatan ICT yang antaranya meliputi Keselamatan fizikal dan persekitaran, Keselamatan Sumber Manusia, Keselamatan Maklumat dan lain-lain perkara yang berkaitan bagi pusat data terutamanya dari segi kawalan dan pematuan-pematuan ICT yang dilaksanakan.

Selain dari itu penerangan dan penjelasan perkara lain yang berkaitan kriteria-kriteria SSR 2012 juga telah diberikan kepada pihak panel penilai. Lawatan bermula sekitar jam 9.45 pagi dan berakhir jam 11.00 pg.



# POLISI ICT 4.0

## Pembangunan Sistem Aplikasi

01. Bahagian-bahagian hendaklah memohon secara rasmi kepada BPTM untuk membangunkan sesuatu sistem aplikasi;
02. Bahagian perlu memohon kepada JPICT kebenaran untuk membangunkan sistem aplikasi. Permohonan ini hendaklah lengkap meliputi spesifikasi teknikal, anggaran kos yang terlibat, guna tenaga dan juga skop perluasan sistem aplikasi tersebut;
03. Sesuatu sistem aplikasi perlu mempunyai Pemilik (*owner*) iaitu sesuatu Bahagian atau pengguna utama (yang paling banyak menggunakan sistem atau yang paling banyak memiliki data);
04. Pengguna yang bertukar bidang tugas atau tidak lagi berkhidmat di Perbendaharaan akan dihapus id dan capaiannya ke aplikasi dalam masa 30 hari;
05. Bahagian yang memohon akan menjadi Pemilik (*owner*) kepada sistem aplikasi tersebut dan hendaklah melantik *champion* bagi melancarkan pelaksanaan sistem aplikasi. *Champion* seboleh-sebolehnya di peringkat TSub dan mendapat mandat daripada TKSP yang berkaitan;
06. Pengguna perlu membaca, memahami dan mematuhi prosedur menggunakan sistem melalui dokumen-dokumen yang disediakan;
07. Sesuatu sistem aplikasi yang perlu diintegrasikan dengan sistem aplikasi yang lain hendaklah diuruskan oleh pemilik (*owner*) sistem aplikasi tersebut;
08. Pemilik (*owner*) sistem aplikasi perlu membuat pelaporan kepada JPICT secara berkala bagi kemajuan (*progress*) sistem aplikasi tersebut;

09. Pembangunan sistem aplikasi hendaklah mengambil kira sistem aplikasi sedia ada di agensi berkenaan dan agensi lain bagi mengelakkan pertindihan pembangunan sistem aplikasi yang sama. Sebagai contoh pembangunan sistem yang berkaitan sumber manusia hendaklah dielakkan kerana HRMIS telah sedia untuk diguna pakai;
10. Sebarang pembangunan sistem aplikasi mestilah mengguna pakai kod-kod yang standard di bawah Data Dictionary Sektor Awam (DDSA); dan
11. Sebarang pembangunan aplikasi yang melibatkan borang yang diwartakan perlulah mendapatkan kelulusan menteri yang berkenaan oleh pemilik (*owner*) sesuatu sistem aplikasi.

Garis panduan untuk pembangunan sistem aplikasi adalah seperti di dalam Lampiran 3 Polisi ICT 4.0.



## Penamatan Penggunaan Sistem Aplikasi

01. Bahagian perlulah memaklumkan secara bertulis kepada BPTM sekiranya tidak lagi memerlukan/menggunakan sistem aplikasi; dan
02. Sekiranya sesebuah sistem aplikasi tidak digunakan langsung untuk tempoh 2 tahun, BPTM boleh mencadangkan kepada bahagian agar sistem aplikasi tersebut ditamatkan.

# KALENDAR Latihan ICT

Julai - Sept 2012



## BULAN JULAI 2012

### KURSUS MS EXCEL 2010 (INTENSIF)

Basic & Intermediate  
Jul 02-04, 2012

### KURSUS MEMBINA LAMAN WEB

Joomla! & Blogspot  
Jul 09-12, 2012

### LATIHAN ASAS PENYELENGGARAAN PC

Sesi ke-3  
Jul 16, 2012

### KURSUS TIPS & TRICKS MS OFFICE 2010

Jul 17-18, 2012

## BULAN SEPT 2012

KURSUS  
MS WORD 2010 (INTENSIF)  
Basic & Intermediate  
Sept 03-05, 2012

KURSUS  
TIPS & TRICKS MS OFFICE  
2010  
Sept 18-19, 2012